



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN BAHARU BAGI PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan baharu bagi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Encik Zakaria Abdul Hamid telah dilantik sebagai Pengerusi FINAS, dan Dato' Norman bin Abdul Halim dilantik sebagai Timbalan Pengerusi FINAS, untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 23 Mei 2020.

Encik Zakaria Abdul Hamid merupakan ahli perniagaan dan aktivis masyarakat. Beliau mempunyai Sarjana Perancangan Bandar dari California State University, Amerika Syarikat. Beliau menggantikan Dato' Gerald Hans Isaac yang telah berkhidmat sejak April 2019. Dato' Norman bin Abdul Halim mempunyai pengalaman yang luas dalam industri media dan hiburan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Presiden Yayasan KRU.

KKMM yakin bahawa mereka akan menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berusaha untuk membangunkan lagi FINAS.

Disediakan Oleh : Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Tel : 03-8911 5198/5184/5206
Emel : ukk@kkmm.gov.my